

12 NOV 1998

MAHATHIR-PROTON/I

KANDUNGAN TEMPATAN SEPENUHNYA DALAM KERETA PROTON TIGA TAHUN AKAN DATANG

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berharap dapat mencapai 100 peratus komponen tempatan dalam kereta Proton dalam tiga tahun akan datang apabila pembuat kereta itu berupaya memajukan enjinnya sendiri.

Katanya Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) akan mengambil masa untuk memajukan enjin keretanya sendiri kerana ia melibatkan ujian dan pertukaran perkembangan terbaru dalam reka bentuknya untuk tempoh beberapa lama.

Mungkin memakan masa tiga hingga empat tahun untuk menerima sebuah enjin yang boleh dipercayai kerana enjin merupakan komponen penting, katanya pada satu sidang akhbar selepas pelancaran dua model baru Proton Perdana V6 dan Proton Satria Gti.

Menyentuh tentang minat yang ditunjukkan oleh Petronas untuk mengambil alih kepentingan HICOM dalam Proton, Perdana Menteri berkata kedua-dua pihak masih lagi berunding.

Katanya minat yang ditunjukkan oleh perbadanan minyak nasional itu mungkin disebabkan oleh hakikat bahawa ia mempunyai keupayaan kewangan untuk mendorong kemajuan kereta nasional itu.

Dr Mahathir berkata pembangunan kereta nasional memerlukan wang yang banyak dan pada mulanya kerajaan telah menyediakan modal tetapi "ia tidak begitu berupaya berbuat demikian sekarang."

Apabila ditanya tentang minat Petronas itu pengerusi Proton Tan Sri Mohd Saleh Sulong berkata "kami telahpun dihubungi dan kami sedang mendengar."

Mengulas tentang pelancaran baru itu di tengah-tengah kelembapan ekonomi sekarang, beliau berkata Proton perlu bergerak dalam usahanya.

"Pembuat kereta dunia masih melancarkan kereta mereka walaupun menghadapi masalah ekonomi dan kita tidak boleh menanggungkan rancangan," katanya, sambil menambah bahawa jualan model-model baru ini dijangka mencapai 300 hingga 400 unit sebulan.

Katanya Lotus terlibat dalam reka bentuk luaran kedua-dua kereta itu manakala enjinnya masih direka oleh Mitsubishi Corp dari Jepun.

Pengarah urusan Edaran Otomobil National Bhd (EON), Datuk Adzmi Abdul Wahab, berkata jualan kereta telah meningkat dalam separuh kedua tahun ini dengan penlonggaran syarat-syarat pinjaman dan tempoh pembayaran balik.

Menurut beliau jualan kereta meningkat kepada antara 6,000 dan 7,000 unit pada bulan Oktober berbanding hanya 2,300 unit pada bulan Februari.

Beliau yakin peningkatan jualan kereta ini merupakan petanda baik bagi pemulihan ekonomi Malaysia.

Terdahulu, Dr Mahathir telah ditanya tentang penyusunan semula Renong Bhd. Kata beliau, Kabinet belum meluluskan penyusunan itu tetapi masih mengkaji cadangan tersebut.

Kata beliau, Kabinet tidak menentang sebarang penyusunan semula asalkan ia tidak merosakkan dan berfaedah bagi negara.

-- BERNAMA

SHO KY MA